

Kenali Wan Salmah: Tokoh Seni Terengganu

Nur Izzati binti Zaidi
Nik Fatin Najihah binti Nik Mohamad
Ahmad Zam Hariro bin Samsudin
Irwan Kamaruddin Abd Kadir

Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

ABSTRAK

Wan Salmah Wan Sulaiman, penyanyi asal lagu rakyat iaitu Ulek Mayang dianugerahkan sebagai Tokoh Seni Budaya Negeri Terengganu bagi tahun 2016. Beliau adalah seorang tokoh yang bergiat aktif dalam bidang seni dan kebudayaan di Terengganu bermula sejak tahun 1950-an hingga kini. Beliau adalah anak kelahiran Kampung Tiong, Kuala Terengganu. Beliau sangat aktif dalam pelbagai aktiviti-aktiviti seni, antaranya dalam bidang seni tarian gamelan, seni lakonan, seni suara dan juga bacaan syair. Walau bagaimanapun, penglibatan beliau dalam seni tarian gamelan telah melonjakkan nama beliau dan mulai dikenali ramai. Beliau juga melibatkan diri dalam persembahan kebudayaan di majlis-majlis rasmi dan juga tidak rasmi. Penglibatan beliau bukan sahaja pada peringkat nasional malahan telah melibatkan diri sehingga ke peringkat antarabangsa. Oleh kerana minat dan sayangkan seni warisan yang mendalam, beliau masih mengorak langkah dalam bidang ini dengan keikhlasan hati bagi memastikan kelangsungan seni ini. Kajian ini dilakukan untuk merungkai latar belakang tokoh, mengkaji penglibatan tokoh dalam bidang seni budaya dan mengenalpasti pencapaian serta cabaran tokoh dalam bidang ini.

Kata kunci: Tarian Gamelan, seni, kebudayaan, nasional, antarabangsa

ABSTRACT

Wan Salmah Wan Sulaiman, the original singer of folk songs, Ulek Mayang was awarded as the Terengganu State Cultural Arts Figure for the year 2016. She is a figure who has been active in the field of Arts and Culture in Terengganu from the 1950s until now. She was born in Kampung Tiong, Kuala Terengganu, Terengganu. Among the fields that she has ventured into are the field of Gamelan Dance art, acting art, voice art and also poetry reading. However, her more active involvement in the art of Gamelan Dance has boosted her name and this woman is beginning to be known. Her involvement in this field has prompted her to her involvement is not only at the regional level, but also at the international level. Because of her profound interest and passion for heritage art, she has begun to make strides in this field in order to ensure the longevity of this heritage of art.

Keyword: Gamelan Dance, art, cultural, national, international

PENGENALAN

Seniwati Wan Salmah merupakan seorang tokoh seni dan budaya yang banyak berjasa dan memberi sumbangan dalam bidang kesenian tanah air. Sumbangannya terhadap bidang seni amat banyak lebih-lebih lagi di negeri kelahirannya beliau sendiri iaitu Terengganu. Ketabahan, kecekalan dan kekentalan jiwa dan semangat beliau dalam meneruskan perjuangannya dalam bidang seni dan budaya sangat besar. Cinta beliau terhadap kesenian tetap utuh dan subur sehingga ke hari ini. Ini dibuktikan apabila beliau masih meneruskan perjuangan seninya dari usia 14 tahun sehinggalah sekarang ini dalam usia 69 tahun, iaitu selama 62 tahun.

Memelihara warisan seharusnya menjadi tunggak utama dalam membangunkan generasi di masa hadapan. Ini kerana, warisan akan melambangkan budaya bagi setiap bangsa yang seharusnya dipraktikkan sehingga akhir zaman. Tinggalan sejarah seringkali dikaitkan dengan sumber utama untuk menarik perhatian pelancong luar yang berkunjung ke negara kita. Oleh itu, wajarlah identiti negara dipelihara dengan menjaga dan mewarisi tinggalan sejarah itu.

PERMASALAHAN KAJIAN

Dunia kini didedahkan dengan pelbagai cabaran serta teknologi yang canggih, amalan-amalan dan mengakibatkan budaya tradisi sudah semakin berkurangan. Masyarakat di Malaysia mempunyai pelbagai budaya yang mampu memberi impak yang penting dalam kehidupan seharian. Walau bagaimanapun budaya yang dahulunya dibangga-banggakan suatu ketika dahulu, kian menjadi sepi.

Dalam kajian ini, kesedaran masyarakat tentang warisan seni budaya ini sangat penting. Walau bagaimanapun, kekurangan sumber primer dan informasi yang sangat terhad mengenai Tokoh Seni Budaya di Malaysia menyebabkan mereka kurang dikenali oleh masyarakat. Antara faktor seni budaya ini dipinggirkan dan tidak mendapat sambutan daripada lapisan masyarakat ialah kerana ia dianggap sebagai tradisional. Oleh kerana kekurangan sumber bahan yang berkaitan seni budaya yang boleh diperolehi, menyebabkan penceritaan mengenai warisan seni budaya ini semakin berkurangan. Memandangkan kecanggihan dunia yang semakin maju dan

moden, masyarakat kurang peka mengenai budaya dan tradisi yang diamalkan sejak berpuluh-tahun dahulu lagi. Oleh itu, bagi mengekalkan warisan seni dan budaya perlu adanya pendokumentasian sejarah lisan mengenai tokoh seni yang banyak menyumbang bagi memartabatkan kegiatan seni sama ada di peringkat dalam negara mahupun di luar negara. Di samping itu juga, ia dapat menjadi sumber rujukan dan menambahkan koleksi sumber lisan mengenai tokoh seni budaya Wan Salmah Wan Sulaiman yang telah membawa ke arah kegemilangan seterusnya menjadikan negeri Terengganu lebih megah di mata dunia khususnya dalam bidang seni budaya.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah:

- a. Untuk merungkai latar belakang tokoh seni budaya.
- b. Untuk mengkaji penglibatan tokoh dalam bidang seni budaya.
- c. Untuk mengenalpasti pencapaian dan cabaran tokoh dalam bidang seni budaya.

PERSOALAN KAJIAN

Bagi mencapai objektif kajian sejarah lisan, berikut adalah persoalan kajian:

- a. Bagaimana latar belakang tokoh Wan Salmah?
- b. Apakah penglibatan tokoh dalam bidang seni budaya?
- c. Apakah pencapaian dan cabaran tokoh dalam bidang seni budaya?

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini dilakukan adalah untuk menambahkan koleksi-koleksi sumber primer tentang seni budaya. Ini adalah disebabkan kurangnya aktiviti pendokumentasian yang melibatkan warisan seni budaya di negara kita. Kebanyakannya sumber bertulis yang ditulis tidak menyeluruh dan hanya mencatat apa yang difikirkan perlu sahaja sedangkan ianya perlu dicatat selengkap peristiwa tersebut. Selain itu, generasi muda zaman moden juga tidak begitu cenderung untuk mengenali tokoh-tokoh warisan yang terdahulu.

Seterusnya, dapat memartabatkan bidang seni budaya. Dengan adanya pengiktirafan dari pihak-pihak tertentu kepada penggiat-penggiat seni budaya di Malaysia, ia dapat memartabatkan lagi bidang seni budaya seterusnya dapat membantu generasi muda untuk mengenali lebih mendalam tentang seni budaya warisan.

Di samping itu juga, dapat memperkenalkan budaya warisan Malaysia di mata dunia. Hal ini dikatakan demikian kerana salah satu kegiatan seni beliau iaitu seni ulek mayang pernah didokumentarikan dalam Dasar Industri Kreatif Negara. Dokumentari yang dilakukan justeru dapat memperkenalkan bidang seni budaya warisan yang terdapat di Malaysia.

TINJAUAN LITERATUR

Tujuan tinjauan literatur ialah hasil kajian berkaitan buku, artikel dan penulisan dalam proses yang membawa kepada perbincangan dan ringkasan terhadap kajian masa lalu yang telah dijalankan oleh para penyelidik yang relevan dan berkait dengan bidang penyelidikan (Naeem, 2020).

Seni dan budaya

Seni adalah karya yang dicipta dengan bakat, iaitu hasil daripada sesuatu ciptaan halus dan karya seni yang mempunyai nilai keindahan dan memberikan kepuasan cita rasa kepada peminatnya. Sebagai contoh, lukisan, muzik, puisi dan ukiran. Budaya dimaksudkan sebagai satu cara kehidupan. Menurut Alexander Baum Garton, beliau menyatakan pendapatnya mengenai definisi seni iaitu sesuatu perkara yang berkait rapat dengan kehidupan dan memiliki tujuan positif, sehingga dapat mendatangkan perasaan yang tenang kepada pada pengamal seni.

Perkara-perkara yang berkaitan dengan budi dan akal ditakrifkan sebagai budaya. Istilah budi membawa makna asli, pertama, sejati dan dipandang sempurna manakala daya pula dimaksudkan sebagai akal, jalan fikiran dan ciptaan (Rohana Yusof, 2010: 75). Istilah budi juga dimaksudkan sebagai kecergasan fikiran dan akal seseorang manusia dalam usaha

mengatasi permasalahan dengan mencari jalan penyelesaian manakala istilah daya merujuk kepada kekuatan tenaga dan kuasa yang digunakan untuk membantu menjana pemikiran bagi menangani sesuatu permasalahan. Jika penyelesaian yang diambil daripada hasil pemikiran tersebut diterima dan dapat dijadikan amalan bersama, ianya diterima sebagai budaya dalam kehidupan (Syed Ismail Syed Mustapa & Ahmad Subki Maskon, 2010: 1-2).

Akta Warisan Kebangsaan

Berdasarkan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), warisan terdiri daripada empat elemen iaitu warisan budaya, warisan alam semulajadi, warisan budaya di bawah laut dan warisan tokoh hidup.

Oleh itu, pembahagian terhadap warisan budaya dapat dilakukan berdasarkan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) iaitu akta yang telah dinyatakan pada peruntukan Seksyen 6. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- i. Arkeologi, bandar, kampung dan lain-lain termasuk monumen, bangunan dan tapak alam semula jadi seperti hutan, tasik dan lain-lain termasuk flora dan fauna adalah tapak warisan iaitu kawasan atau zon warisan budaya seperti tapak.
- ii. Benda-benda purba mudah alih, artifak, warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara adalah objek warisan dimana ianya telah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Harta karun (harta yang sengaja disorokkan) tidak termasuk di bawah kategori ini.
- iii. Sesuatu warisan yang berada di bawah permukaan laut yang mempunyai hasil atau kesan campur tangan manusia yang meliputi tapak, struktur, bangunan, artifak, pesawat udara, kapal, kargo, objek prasejarah serta gabungan kesan arkeologi dan alam semula jadi adalah definisi kepada warisan budaya bawah air yang telah diwartakan di bawah Seksyen 63, Akta Warisan Kebangsaan 2005.
- iv. Warisan orang hidup iaitu mana-mana tokoh yang masih hidup yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang yang berkaitan

warisan serta telah diisytiharkan sebagai Warisan Orang Hidup di bawah Seksyen 67, Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Seniman

Menurut Kamus Melayu Educalingo (2020), seseorang yang kreatif, atau inovatif, atau mahir dalam sesuatu bidang seni adalah definisi bagi seseorang seniwati atau lebih dikenali dengan gelaran artis. Berdasarkan pandangan ahli sejarah seni dan pengkritik seni, artis adalah seseorang yang menghasilkan seni dalam batas-batas yang diakui. Pada awal tahun 1980-an, istilah atau gelaran artis telah digunakan. Ini adalah untuk menggantikan istilah seniman dan seniwati kerana ia lebih menarik dan megikut peredaran zaman. Perkataan artis telah diambil dari Bahasa Inggeris yang membawa maksud seniman. Artis membawa banyak maksud, iaitu pelakon, penari, penyanyi atau pemuzik dan pelukis.

METODOLOGI

Kaedah penyelidikan yang dijalankan adalah melalui temubual dan analisa dokumen. Kaedah ini digunakan untuk mengenalpasti secara terperinci mengenai latar belakang tokoh amnya dalam bidang seni budaya. Kaedah temubual ialah komunikasi dua hala yang bertujuan untuk mengumpulkan maklumat kajian dan melibatkan interaksi bersemuka antara penemubual dan tokoh. Dalam kajian ini, kaedah temubual berstruktur dijalankan secara formal dengan perancangan yang teliti. Soalan yang dikemukakan adalah selaras dengan objektif kajian. Bagi kajian kali ini, temubual dijalankan bersama tokoh menggunakan platform atas talian iaitu *google meet*. Selain itu, penyelidik juga menggunakan kaedah analisa dokumen bagi merujuk dengan lebih terperinci mengenai warisan seni budaya. Beberapa bahan rujukan bertulis yang diperolehi melalui kajian literatur juga digunakan sebagai sumber kedua. Kaedah ini membolehkan penyelidik merujuk dengan lebih mendalam tentang kegiatan seni Wan Salmah Wan Sulaiman daripada bahan internet seperti blog-blog, laman web kesenian, jurnal dan artikel-artikel yang menceritakan kisah beliau dalam bidang seni budaya.

Data yang diperolehi sepanjang menjalankan kajian ini adalah hasil pengumpulan data dari sumber primer, iaitu hasil menemubual bersama tokoh.

Namun, bagi kaedah menemubual tokoh, penyelidik menggunakan platform atas talian bagi tujuan melengkapkan proses penyelidikan.

HASIL KAJIAN

Melalui hasil kajian ini, penyelidik dapat memperoleh maklumat tokoh dengan lebih terperinci khususnya tentang latar belakang tokoh, pendidikan, kerjaya, seni dan kebudayaan, pencapaian, cabaran dan juga harapan.

Latar Belakang Tokoh

Wan Salmah Wan Sulaiman merupakan penyanyi asal lagu rakyat iaitu Ulek Mayang. Beliau dilahirkan pada 16 September 1944 dan merupakan anak kelahiran Kampung Tiong, Kuala Terengganu. Beliau merupakan seorang penggiat seni yang masih aktif dalam pelbagai bidang seni budaya sehingga sekarang. Sebagai tanda penghargaan di atas jasa beliau dalam memartabatkan bidang seni budaya, beliau dianugerahkan sebagai Tokoh Seni Budaya Negeri Terengganu pada tahun 2016.



Gambar 1: Tokoh Seni Budaya Wan Salmah Wan Sulaiman

Wan Salmah dilahirkan di Kuala Terengganu, Terengganu pada 16 September 1944. Ibunya bernama Dayang binti Ali, manakala bapanya bernama Wan Sulaiman bin Long. Beliau merupakan anak yang kedua daripada 11 orang adik-beradik yang terdiri daripada enam lelaki dan lima

perempuan. Beliau telah mendirikan rumah tangga dan dikurniakan tujuh orang cahaya mata yang terdiri daripada lima orang lelaki dan dua orang perempuan.

Ketika Wan Salmah masih kecil, seorang jirannya yang tidak mempunyai anak kerap datang bermain dengannya. Wanita itu akhirnya menjadi ibu angkat kepada Wan Salmah dan memeliharanya sehinggalah beliau menghembuskan nafas terakhirnya. Ibu angkat beliau itu bernama Teh binti Awang, dan Cik merupakan nama panggilan beliau kepada ibu angkatnya itu. Ketika beliau dibesarkan oleh ibu angkat, beliau sering dibawa menyaksikan pelbagai persembahan seperti tayangan Bangsawan, joget, funfair dan sebagainya. Daripada situlah timbul minat beliau terhadap seni persembahan.



Gambar 2: Foto keluarga Wan Salmah Wan Sulaiman yang terkini selepas pemergian suami dan anak sulungnya

Pendidikan

Pendidikan awal beliau bermula dari Sekolah Bukit Jambul, Kuala Terengganu pada tahun 1951 iaitu ketika berumur 7 tahun. Pada tahun 1954, beliau telah menduduki satu peperiksaan khas untuk melayakkan beliau diterima masuk ke Sekolah Inggeris pada ketika itu. Hasilnya, beliau berjaya lulus dalam peperiksaan tersebut dan berpindah ke Sultan Sulaiman Primary School pada tahun 1955. Pada tahun 1958, beliau menyambung persekolahan ke peringkat lebih tinggi iaitu di Sultan Sulaiman Secondary School dimana beliau berjaya lulus dalam Malaysia Certificate Education (MCE).

Kerjaya

Pada 24 Januari 1963, beliau telah memulakan kariernya sebagai seorang kerani di Sekolah Ampuan Tengku Mariam. Beliau telah berkhidmat

sebagai seorang kerani di sekolah tersebut selama 12 tahun dan berpindah ke Sekolah Sultan Sulaiman II, Kuala Terengganu pada tahun 1975 dengan memegang jawatan yang sama. Pada bulan Mac 1982, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai kerani kanan di Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu. Pada ketika itu, terdapat satu peperiksaan khas yang diwujudkan kepada kerani-kerani kanan untuk membolehkan mereka dinaikkan pangkat dan Wan Salmah telah mengambil peperiksaan khas tersebut. Setelah lulus peperiksaan khas, Wan Salmah berjaya menjawat jawatan Penolong Pegawai Tadbir di bahagian Latihan Jabatan Pendidikan Awam Malaysia, Kuala Lumpur bermula pada 1 Julai 1993 sehingga Disember 1994. Jawatan terakhir yang disandangnya ialah sebagai penolong pegawai tadbir di Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu bermula dari 1 Januari 1995 sehingga bersara pada 16 September 1999.

Penglibatan dalam Seni dan Kebudayaan

1) Ulek Mayang

Wan Salmah Wan Sulaiman merupakan penyanyi asal kepada lagu Ulek Mayang. Lagu Ulek Mayang telah diciptakan oleh Awang Maembong. Rakaman pertama yang dibuat ke atas lagu Ulek Mayang adalah didendangkan oleh Wan Salmah dan ia menjadikan Wan Salmah sebagai penyanyi pertama dan penyanyi asal kepada lagu tersebut. Setelah beberapa musim kemudian, lagu ini telah banyak dirakamkan dan dinyanyikan oleh orang-orang tertentu dan lagu tersebut telah menjadi sebuah lambang kebanggaan kepada rakyat- rakyat di negeri Terengganu.



Gambar 3: Bersama arwah Tuan Haji Mazlan iaitu Pencipta Lagu Ulek Mayang

2) Tarian Gamelan

Wan Salmah mula melibatkan diri dalam Kumpulan Joget Gamelan Diraja Terengganu setelah seni gamelan ini dihidupkan kembali pada tahun 1969. Dengan tertubuhnya kumpulan SUKTRA (Kumpulan Penari dan Pemuzik Tetap Negeri Terengganu) yang ditubuhkan pada 1 April 1974, seni gamelan telah berkembang dengan pesatnya. Selain menari dan menyanyi, Wan Salmah pernah juga menjadi penolong jurulatih tarian gamelan dan tarian asas.



Gambar 4: Persembahan Tarian Gamelan di Istana Maziah, Kuala Terengganu sempena Hari Ulangtahun Keputeraan DYMM Sultan Terengganu pada tahun 1970-an.



Gambar 5: Pertandingan tarian di Johor Bahru sempena Pesta Sukan dan Kebudayaan Perkhidmatan Pendidikan Malaysia, 1978. (Johan)

3) Seni Lakonan

Selain penglibatan Wan Salmah dalam seni tarian gamelan, beliau turut aktif dalam seni lakonan dan seni suara. Beliau mula berlakon semasa berusia 14 tahun. Pada masa itu beliau diberi watak sebagai “Dayang”

dalam pentas bangsawan “Megat Terawis”. Selepas itu, beliau aktif dalam seni lakonan bangsawan, drama dan teater. Tahun 1970 merupakan tahun bertuah bagi Wan Salmah. Jika sebelum ini, beliau sekadar memegang watak sampingan dalam drama namun pada tahun tersebut beliau diberi kepercayaan memegang watak utama sebagai “Puteri Nan Chayang” dalam sebuah Tabloid di Stadium Sultan Ismail Nasaruddin Shah sempenaperayaan Jubli Perak Sultan Terengganu dan Ulangtahun Pertabalan Sultan Ismail yang ke-25.



Gambar 6: Anugerah Pelakon Wanita Terbaik 1972 yang disampaikan oleh Isteri YB Setiausaha Kerajaan Terengganu

4) Seni Suara


Menerusi bidang seni suara pula, Wan Salmah dikenali sebagai pelopor lagu Ulek Mayang yang menjadi kebanggaan rakyat Terengganu. Malahan beliau pernah menyanyi untuk program RTM Terengganu, majlis-majlis rasmi negeri Terengganu, menyanyi lagu 16 gamelan untuk rakaman dokumentari Filem Negara pada tahun 1972, menyanyi gamelan untuk Konsert Geeta Gangsa di Istana Budaya pada tahun 2003, rakaman lagu Gamelan dari Muzium Pahang pada tahun 2006 dan rakaman CD lagu Gamelan untuk edaran sempena Simposium Muzik Gamelan dan Festival Gamelan Sedunia pada tahun 2008.



Gambar 7: Sesi Rakaman Lagu Gamelan untuk Program Salam Pantai Timor Terbitan RTM

5) Bacaan Syair

Selain berbakat dalam bidang seni tarian, seni lakon dan seni suara, Wan Salmah turut berkecimpung dalam aktiviti-aktiviti seni yang lain. Aktiviti-aktiviti yang sering beliau sertai ialah bacaan syair pada Malam Ibu-ibu, bacaan puisi dan bacaan syair pada Malam Simfoni Puisi pada tahun 2007. Di samping itu juga, beliau pernah menjadi pengacara majlis-majlis rasmi jabatan di mana beliau pernah bertugas sebagai pengacara Hari Guru, pesta-pesta sukan, Majlis Hari Penyampaian Hadiah dan Hari Kualiti. Beliau juga pernah dilantik menjadi juri pertandingan tarian dan pertandingan nyanyian peringkat negeri Terengganu.



Gambar 8: Foto Beliau Bersyair Di “Malam Ibu-Ibu Baca Puisi”

PENCAPAIAN

Sepanjang penglibatan beliau dalam bidang kesenian, banyak pencapaian yang telah dicapai. Bukan sahaja di peringkat dalam negara, malahan juga di peringkat antarabangsa. Semua pencapaian yang diterima menyebabkan beliau layak diberi penghargaan dan juga anugerah sebagai Tokoh Seniwati Negeri Terengganu. Pencapaian yang pertama dianugerahkan kepada beliau adalah Pingat Jasa Kebaktian (PJK) iaitu pada tahun 1979. Selain itu, terdapat juga pencapaian-pencapaian lain yang dianugerahkan kepada beliau iaitu Ahli Mahkota Terengganu (AMT) pada tahun 1991 dan Anugerah Khidmat Cemerlang, 1987. Anugerah Tokoh Seni Budaya Negeri Terengganu telah dianugerahkan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara kepada beliau pada tahun 2016. Pada April 2018, beliau telah mendapat Anugerah Tokoh Seni khas dalam bidang tarian. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Kemudian, beliau juga telah mendapat Anugerah Tokoh Gamelan pada Oktober 2018. Pada tahun 2012, Mami digelar sebagai Tokoh Lisan Hidup dan beliau telah ditemuduga oleh Perpustakaan Negeri Terengganu. Namun menurut beliau, anugerah terbesar yang dicapai sepanjang penglibatannya dalam bidang kesenian adalah Anugerah Tokoh Seni Budaya Negeri Terengganu.



Gambar 9: Anugerah Pingat Jasa Kebaktian (PJK) 1972 - Oleh Ke bawah DYMM Sultan Terengganu



Gambar 10: Anugerah Pingat Pangkuan Negara (PPN) 1979 - Oleh Ke bawah DYMM Timbalan Yg Di Pertuan Agong



Gambar 11: Anugerah Ahli Mahkota Terengganu (AMT) 1992 - Oleh Ke Bawah DYMM Sultan Terengganu



Gambar 12: Anugerah Tokoh Gamelan Melayu Terengganu Pada Oktober 2018



Gambar 13: Anugerah Tokoh Seni & Budaya Negeri Terengganu –Oleh Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara, Terengganu pada tahun 2016

CABARAN

Sepanjang bergiat aktif dalam bidang kesenian, terdapat juga cabaran yang beliau hadapi untuk menjadikan beliau seperti sekarang (Tokoh Seni Budaya). Cabaran utama yang dihadapi adalah untuk memberi sepenuh komitmen kepada bidang seni walaupun mempunyai tanggungjawab tersendiri. Kebanyakan daripada ahli penari dan penyanyi di dalam kumpulan yang beliau terlibat mempunyai kerjaya masing-masing. Oleh itu, mereka harus bijak dalam membahagikan masa untuk meneruskan komitmen dalam kerjaya dan juga bidang seni yang diceburi. Menurut beliau, jika seseorang tidak

mempunyai minat dalam melakukan sesuatu bidang, maka ia akan menjadi sulit kepada mereka untuk menumpukan serratus peratus komitmen di dalam bidang yang mereka ceburi.

Harapan

Beliau berharap agar bidang Kesenian dan Kebudayaan warisan ini akan terus berkembang maju. Beliau juga berharap agar generasi muda akan datang dapat meneruskan perjuangan beliau sebagai Tokoh Seni Budaya. Beliau berpendapat bahawa bidang seni merupakan satu aktiviti yang berfaedah untuk masyarakat ceburi bagi mengelakkan mereka daripada melakukan perkara-perkara yang tidak mendatangkan faedah kepada diri, bangsa dan negara. Bidang seni ini juga sepatutnya dimulakan dari peringkat awal lagi, bak kata pepatah 'melentur buluh biarlah dari rebungnya'. Pihak berwajib atau pihak berkuasa perlulah mengambil tindakan untuk menjadikan bidang seni budaya sebagai satu cabang yang boleh membentuk generasi akan datang kearah kehidupan yang lebih berfaedah.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, dengan adanya kajian seperti ini sedikit sebanyak dapat membantu dalam menambahkan sumber primer tentang tokoh seniwati ini dalam bidang seni. Selain itu, penyelidik juga dapat mengenali latar belakang tokoh seniwati yang termasyhur di negeri Terengganu iaitu Seniwati Wan Salmah Wan Sulaiman. Seterusnya, penyelidik dapat mengetahui tentang pencapaian dan cabaran yang telah dilalui oleh seniwati ini demi memartabatkan seni budaya di mata dunia. Di samping itu, penyelidik juga telah didedahkan dengan kisah-kisah penglibatan tokoh di dalam bidang seni budaya ini. Akhir sekali, penyelidik juga sedikit sebanyak membantu dalam usaha memartabatkan warisan seni budaya di negara ini supaya tidak lapuk ditelan zaman.

RUJUKAN

- Aktivis Seni dan Budaya. *Seniwati Wan Salmah Wan Sulaiman*. Diakses pada 30 November 2020 daripada http://kualanerustourism.my/1_20_aktivis-seni.html.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Definisi Seni menurut Kamus Dewan*. Diakses pada 30 November 2020 daripada <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=seni>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Definisi Budaya menurut Kamus Dewan*. Diakses pada 30 November 2020 daripada <https://www.worldcat.org/title/kamus-dewan/oclc/880308684> Diakses pada 30 November daripada <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>.
- Discogs. Wan Salmah Sulaiman. Diakses pada 30 November daripada <https://www.discogs.com/artist/6674012-Wan-Salmah-Sulaiman>.
- Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara. (2019, November). JKKN. Diakses pada 30 November 2020 daripada <http://www.jkkn.gov.my/en/jkkn-kedah>.
- Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (JKKN). *Pendokumentasian Seni Warisan dan Budaya*. Diakses pada 30 November 2020 daripada <http://www.jkkn.gov.my/en>.
- JKKN dokumentasi seni warisan tanpa waris. (2019, October 1). Bernama [Melaka].
- Kamus Educalingo. *Definisi Seniwati*. Diakses pada 30 November 2020 daripada <https://www.worldcat.org/title/kamus-dewan/oclc/880308684>.
- Nadzon Haron. (2012). *Panduan Penyelidikan dan pendokumentasian sejarah lisan*. Persatuan Sejarah Malaysia.
- Naeem. (2020). *Tujuan Tinjauan Literatur*. Jurnal Komunikasi.
- Pusat Kajian Sejarah Lisan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). *Definisi Sejarah Lisan*.
- Rohana Yusof. (2010). *Budi dan Akal*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka, c1996 2010.
- Sulaiman, W. W. (2021, Januari 4). Kenali Wan Salmah - Tokoh Seni Terengganu [Temubual Telefon].
- Syed Ismail Syed Mustapa & Ahmad Subki Maskon. (2010). *Budaya dan pembelajaran*. Perpustakaan Komuniti PJ.